



Belanja murah tampak hebat

KERJA, kerja dan kerja ...hampir tiada waktu untuk anda memanjakan diri dengan berbelanja. Sedangkan anda perlu menukar koleksi pakaian yang ada. Mana boleh bertahan hampir enam bulan dengan pakaian sama. Tetapi sebagai wanita bekerjaya apalagi kalau anda berumah tangga, waktu untuk anda mengunjungi butik amat terhad.

Dan jika berkesempatan sekali pun jarang anda dapat melakukan kunjungan dari butik ke butik untuk meninjau jenis pakaian dan harga sesuai.

Untuk itu Jelita kali ini membantu anda menilai kelebihan, kekurangan dan harga pakaian daripada butik tertentu sebelum anda mengambil keputusan berbelanja.

Butik pertama pilihan Jelita Pink Evil's Fashion Supermarket, terletak di One Utama, Petaling Jaya. Butik konsep supermarket ini amat istimewa dan menarik. Pertama kali mengunjunginya hati terpaud pada susunan pakaian yang dibahagi kepada lima bahagian.

Butter & toast – memilih pakaian harian dan kasual jengoklah bahagian ini. Harga berpatutan, rekaan terkini, selesa dan dalam pelbagai warna.

Sugar & spice – kalau anda mahu mendapatkan pakaian yang membuat anda nampak agak nakal dan sedikit





seksi ketika menghadiri majlis tertentu bahagian inilah pilihan anda. Tentu anda tidak sangka harga yang perlu anda bayar untuk sehelai pakaian ke majlis hebat.

Coffee & magazine – wanita yang mengutamakan penampilan terutama golongan wanita bekerjaya mata anda pasti terpaut pada koleksi pakaian bahagian ini. Selesa bertemu teman atau pelanggan sepanjang hari.

Chocolate Martini – pilihan manis untuk majlis elegan, ke parti istimewa atau sekadar bergaya menemani teman minum di kafe. Pakaian pada bahagian ini juga sesuai dibawa ke majlis makan malam atau majlis perkahwinan.

Cubcake & candy bar – namanya saja sudah membayangkan pakaian yang

mewakilinya. Warna lebih ceria dan anda boleh mencari sesuatu yang membayangkan peribadi anda.

Di Pink Evil's Fashion Supermarket anda tidak perlu membawa wang tunai yang banyak kerana harga sehelai pakaian dan barangan aksesori bermula daripada RM19 ke RM99 sahaja. Dan sebagai bonus kepada pelanggannya pada setiap masa sebahagian daripada pakaian ini datang dengan hiasan tambahan seperti tali pinggang, kerongsang, rantai leher atau tangan. Tunggu apa lagi! Sekiranya anda rasakan apa yang dipaparkan di sini sesuai dengan keperibadian dan saku anda, kunjungi butik ini sama ada di One Utama, Bukit Bintang atau pekan Taiping. ●